

15 NOV 1998

APEC-BERITA-KACAU-BILAU/I

KACAU-BILAU MASIH WUJUD DI DALAM SISTEM KEWANGAN DUNIA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak akan membatalkan kawalan tukaran matawang yang dikenakan September lalu kerana "kacau-bilau" masih wujud di dalam pasaran kewangan antarabangsa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini. "Jika kita berpatah ke belakang, tiada ada jaminan yang kita tidak akan diserang sekali lagi," katanya memandangkan kekurangan sebarang kawalan ke atas spekulator-spekulator matawang walaupun lebih setahun sejak krisis kewangan meletus.

"Malaysia tidak boleh tunggu proses ini, kerana pergerakan bertanggung-tanggung kuasa-kuasa besar (dan) apabila masa kami memutuskan, Malaysia akan jatuh," katanya semasa berucap kepada Sidang Kemuncak Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Dr Mahathir berkata, "sesetengan berkata adalah salah manakala yang lain berkata mereka telah mencapai matlamat kita dan kita patut berpaling ke belakang sekarang" tetapi masih terdapat kacau-bilau di pasaran kewangan.

"Kecuali mereka melihat keruntuhan mereka sendiri di depan mata mereka, dan mereka melihat ini apabila dana lindung nilai Long-Term Capital Management gagal, mereka tidak akan berbuat sesuatu," katanya.

"Dengan kelembapan ekonomi dan ringgit menjunam 60 peratus berbanding dolar AS, Malaysia merosot ke dalam kemelesetan dengan penguncupan 6.8 peratus dalam suku kedua.

Walaupun rayuan untuk mengawal selia pedagang-pedagang matawang dan dana lindung nilai, hanya terdapat retorika tetapi tiada disiplin kewangan muncul, yang mendorong Malaysia melakukannya bersendirian mengenakan kawalan tukaran wang selektif.

Dr Mahathir juga berkata hiruk-pikuk terhadap kawalan matawang selektif Malaysia itu dengan tuduhan Kuala Lumpur adalah salah adalah tidak patut kerana langkah-langkah itu tidak merosakkan sesiapa.

Malaysia adalah sebuah ekonomi yang terlalu kecil untuk melakukan sesuatu yang boleh merosakkan proses liberalisasi dan globalisasi sistem kewangan dunia, katanya.

"Kami terlalu kecil. Kenapa tidak biarkan Malaysia sendirian dengan tingkahnya. Jika kami salah, kami akan terima padahnya, padan muka kami jika kami gagal. Tetapi masyarakat dunia akan belajar sesuatu dan mendapat manfaat daripadanya," katanya.

"...Saya ingin menyatakan semula bahawa kami tidak merosakkan sesiapa. Jadi biarkan kami dengan cara-cara kami," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kawalan matawang kami akan kekal selagi dunia enggan membawa peraturan kepada pasaran dunia."

Malaysia mengenakan kawalan matawang kerana pedagang-pedagang matawang adalah terlalu kuat dan tidak bertanggung jawab langsung, katanya.

"Mereka tidak heran memuflikasikan negara-negara dan rantau-rantau, memiskinkan berjuta-juta pekerja dan memusnahkan seluruh ekonomi di dalam pencarian keuntungannya," kata Perdana Menteri.

Pernah diketawakan kerana didakwa tidak memahami sistem kewangan dunia, "kerana sentiasa menafikan, kerana cara-cara yang boros, kerana membina bangunan tertinggi dunia, kini dunia mulai sedar bahawa aktiviti-aktiviti pedagang-pedagang matawang juga boleh menjejaskan mereka," tambahnya.

-- BERNAMA

MR TS OS